

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [ SABAK BERNAM]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pegawai perubatan pakar dan bidangnya yang terdapat di negara ini sama ada yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (Kerajaan) atau swasta dan nyatakan apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan bilangan pegawai perubatan pakar di KKM termasuk dari kalangan pegawai perubatan yang dilantik secara kontrak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga 30 September 2020, terdapat seramai 5,659 Pakar Perubatan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merangkumi 5,637 tetap dan 22 kontrak. Manakala, sebanyak 4,833 orang lagi adalah Pakar Perubatan yang berada di sektor swasta berdasarkan maklumat daripada *National Specialist Register* (NSR) sehingga 30 Julai 2020. Pecahan Pakar Perubatan mengikut bidang kepakaran di KKM adalah seperti berikut:

- a) Kecemasan seramai 336 orang;
- b) Perubatan Dalaman seramai 665 orang;
- c) Pembedahan Am seramai 300 orang;
- d) Obstetrik dan Ginekologi seramai 360 orang;
- e) Pediatrik/ Bedah Pediatrik seramai 440 orang;
- f) Ortopedik seramai 325 orang;
- g) Anestesiologi seramai 503 orang;

- h) Oftalmologi seramai 265 orang;
- i) Otorinolaringologi seramai 171 orang;
- j) Dermatologi seramai 25 orang;
- k) Neurologi seramai 11 orang;
- l) Nefrologi seramai 43 orang;
- m) Neuro Surgeri seramai 56 orang;
- n) Urologi seramai 11 orang;
- o) Surgeri Plastik seramai 33 orang;
- p) Radioterapi & Onkologi seramai 32 orang;
- q) Radiologi seramai 313 orang;
- r) Patologi seramai 424 orang;
- s) Bedah Kardiothorasik seramai 16 orang;
- t) Kardiologi seramai 24 orang;
- u) Nuklear seramai 29 orang;
- v) Respiratori seramai 21 orang;
- w) Psikiatri seramai 208 orang;
- x) Rehabilitasi seramai 69 orang;
- y) Perubatan Transfusi seramai 44 orang;
- z) Forensik seramai 33 orang;
- aa) Kesihatan Awam seramai 459 orang;
- bb) Perubatan Keluarga seramai 423 orang; dan
- cc) Penyelidik seramai 20 orang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif ke arah meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar Kerajaan di seluruh negara iaitu:

- a) peningkatan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) daripada 800 slot bagi sesi tahun 2009 kepada 1,000 slot bagi tahun 2013 dan seterusnya 1,100 slot bagi tahun 2019. Bagi sesi tahun 2020/2021 pula, slot telah dinaikkan kepada 1,220 slot untuk menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran;
- b) peningkatan peluang latihan kepakaran perubatan supaya lebih ramai doktor pakar dihasilkan melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM;

- c) pelantikan semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan terutama bagi bidang kritikal dan di kawasan yang berkeperluan tinggi bagi perkhidmatan kepakaran;
- d) perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional* (dengan izin); dan
- e) menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

**Tuan Yang di-Pertua,**

3. Buat masa ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menetapkan HLP hanya diberikan kepada pegawai-pegawai berstatus tetap untuk mereka melanjutkan pengajian dalam bidang kepakaran. Pemberian ini belum lagi dipanjangkan kepada pegawai lantikan kontrak.

4. Ini memandangkan masih ramai Pegawai Perubatan tetap belum berpeluang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan menerusi HLP. Namun begitu, bagi mereka yang tidak mendapat HLP, mereka masih boleh melanjutkan pengajian kepakaran melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*.

Sekian, terima kasih.